

Dilema Pengurus

Bahagian Dua (b)



Dr. Ali Qassem

www.aliqasseminternational.com

Bidang pengurusan adalah satu bidang yang tertakluk kepada kemajuan, pembangunan, penambahbaikan, dan perubahan.

Hari ini, bidang pengurusan merangkumi banyak subjek dan teknik seperti perancangan strategik, keseimbangan antara kerja dengan kehidupan, etika, sumber manusia, isu-isu teknologi, pengurusan kualiti menyeluruh, dan sebagainya.

Selain itu, setiap hari, tugas seseorang pengurus menjadi lebih kompleks, sukar dan penuh dengan cabaran baru. Kesukaran dan cabaran-cabaran baru yang dihadapi oleh para pengurus adalah berpunca daripada pelbagai faktor. Faktor-faktor ini ada yang

diketahui dan ada yang tidak dapat diramalkan.

Para pengurus harus menerima hakikat bahawa dalam mencapai objektif dan mengembangkan organisasi perlu memiliki pemahaman tentang realiti era maklumat.

Ini memerlukan pembelajaran secara berterusan tentang pasaran, mengenal pasti pelanggan dan pesaing, nilai-nilai dan perilaku mereka, isu teknologi dan dinamikanya, memahami sepenuhnya kekuatan serta kelemahan organisasi, mengetahui peluang dan ancaman yang ada.

Saya mencadangkan kepada mereka yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan mengenai pengurusan, bacalah majalah pengurusan atas talian seperti "Management Today" dan sumber-sumber yang lain.

"Management Today" adalah satu majalah bulanan atas talian yang menarik, mudah untuk dibaca, memaparkan pengetahuan serta kemahiran yang praktikal dan relevan yang diperlukan dalam dunia perniagaan. Alamat laman adalah www.aim.com.au/publications/managementtoday.html

Tidak ada satu teknik pengurusan yang memberitahu pengurus apa yang perlu dilakukan apabila organisasi menghadapi kesusahan atau krisis. Ini adalah satu fenomena global dan salah satu dilema serta cabaran terbesar yang dihadapi oleh para pengurus.

Kajian demi kajian telah menunjukkan bahawa ini adalah antara sebab mengapa ramai pengurus

menghabiskan kebanyakan masa dalam perkara yang salah, sesuatu yang kurang penting, atau sesuatu yang tidak penting sama sekali.

Dalam kebanyakan kes, ini tidak bermakna pengurus tidak bekerja. Pengurus itu bekerja pada apa yang difikirkannya adalah penting.

Profesor Henry Mintzberg yang terkenal di peringkat antarabangsa dalam bidang akademik dan penulis terkemuka dalam pengurusan perniagaan dan kini beliau merupakan profesor Pengajian Pengurusan di McGill University, Canada telah menulis sebuah buku yang berjudul "*Mintzberg on Management: Inside Our Strange World of Organizations*" bagi menyokong fakta yang disebutkan.

Beliau mengatakan, "Pengurus sentiasa diberitahu untuk menghabiskan lebih banyak masa dalam merancang dan delegasi (kebanyakan mereka berbuat demikian). Mereka jarang melayan pelanggan dan terlibat dalam rundingan. Itu bukan tugas sebenar seseorang pengurus.

Tugas pengurusan melibatkan pelaksanaan beberapa tugas biasa, termasuklah upacara dan majlis, rundingan, dan pemprosesan data maklumat yang menghubungkan organisasi dengan persekitaran. Seringkali, pengurus bersaing dengan pesaing yang tidak memberikan ancaman. Dengan itu, mereka kehilangan banyak wang, usaha, dan kadang-kadang kedudukan utama mereka.

Dalam hal ini, Don Listwin, yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif

Openwave Systems, organisasi penting dalam pengenalan internet mudah alih dan pembekal perisian dalam sektor telekomunikasi mudah alih yang berjaya, berkata, "Bagaimanakah syarikat dominan boleh kehilangan kedudukan mereka? Punca utamanya adalah mereka salah memilih pesaing."

Kadang-kadang, sudut pandangan seseorang pengurus tentang sesuatu perkara adalah tidak seimbang.

Sebagai contohnya, seorang pengurus projek berpendapat kesempurnaan adalah lebih penting daripada untuk memastikan projek itu diselesaikan mengikut jadual. Contoh lain, seorang pengurus memikirkan adalah lebih penting untuk disukai oleh orang bawahan daripada untuk membetulkan dasar dan peraturan mereka..

Akauntan sesebuah organisasi berpendapat adalah lebih penting untuk mengurangkan kredit daripada menyokong meningkatkan jualan juga adalah satu lagi contoh.

Pengurus dalam organisasi yang berjaya melaksanakan kerja yang betul. Pengurus dalam organisasi yang gagal juga bekerja, tetapi mereka melaksanakan kerja yang salah.

Bersambung...